



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PENOLONG JURUUKUR BAHAN 2013 *UKUR BAHAN*

KOD : PTU02

**SUBJEK : AMALAN DAN PROSEDUR
TENDER/KONTRAK**

TARIKH : 8 OKTOBER 2013

MASA : 2.00 PTG – 5.00 PTG

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

PERKARA : PTU02 – AMALAN DAN PROSEDUR TENDER/KONTRAK

ARAHAN KEPADA CALON

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.
Jawab mana-mana **lima (5)** soalan sahaja.*

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

SOALAN 1

- a) Nyatakan had nilai sebutharga dan kelas-kelas PKK yang terlibat dalam sebutharga sebagaimana yang dinyatakan dalam SPP Bil. 5/2009.
(6 markah)
- b) Terangkan proses kerja sebutharga.
(14 markah)

SOALAN 2

- a) Nyatakan had nilai kategori penilaian tender kerja berikut berdasarkan Surat Arahan KPKR 7/2012:
- i) Kategori Penilaian Tender Kecil
 - ii) Kategori Penilaian Tender Besar
- (4 markah)
- b) Nyatakan dokumen-dokumen wajib yang perlu diberikan oleh pentender bagi tujuan penilaian tender.
(6 markah)
- c) Terangkan kriteria-kriteria yang diambilkira dalam aspek kesempurnaan tender semasa penilaian tender.
(10 markah)

SOALAN 3a) Maklumat Projek

Nama Projek : Cadangan Membina dan Menyiapkan
Kuarters Pegawai Perubatan Kelas D10,
Rawang, Selangor

Jenis Bangunan : 5 Unit, 2 tingkat dan berkerangka konkrit

Jenis Kontrak : Konvensional

Tarikh Milik Tapak : 4 Ogos 2011

Tarikh Siap Kerja : 4 Februari 2014

Item	Perkara	Amaun (RM)
A	Kerja Awalan	200,000.00
B	Kerja Cerucuk	300,000.00
C	Kerja Bangunan	2,000,000.00
D	Kerja Sekitar Bangunan	500,000.00
E	Wang Kos Prima	400,000.00
F	Wang Peruntukan Sementara	100,000.00
	Jumlah Keseluruhan	3,500,000.00

i) Nyatakan tarikh sah laku insuran kerja (*CAR*) dan jaminan bon pelaksanaan kerja.

(8 markah)

ii) Kirakan nilai jaminan bon pelaksanaan kerja dan jaminan bon wang pendahuluan.

(8 markah)

b) Nyatakan institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan bagi pengeluaran kontrak kerja.

(4 markah)

SOALAN 4

- a) Nyatakan borang kontrak terkini bagi kontrak Konvensional dan kontrak Reka dan Bina.
(2 markah)
- b) Nyatakan **empat (4)** kebaikan projek Reka dan Bina.
(8 markah)
- c) Terangkan perbezaan di antara kontrak Konvensional dengan kontrak Reka dan Bina.
(10 markah)

SOALAN 5

- a) Berikan takrif perkara-perkara berikut yang terdapat pada perakuan bayaran interim JKR 66:
- i) Tarikh penilaian
 - ii) Akaun deposit wang jaminan pelaksanaan (amaun terdahulu)
 - iii) Nilai kerja dilaksanakan dan amaun-amaun lain yang kena dibayar
 - iv) Bayaran disyorkan
 - v) Bayaran yang diperakukan
- (10 markah)
- b) Nyatakan perkara-perkara yang perlu diambilkira dalam penyediaan perakuan bayaran interim JKR 66.
(10 markah)

SOALAN 6

- a) Berikan maksud Denda Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (*LAD*) dan bilakah ianya dikenakan kepada kontraktor.

(4 markah)

- b) Nyatakan perkara-perkara yang dinyatakan dalam borang Arahan Perubahan Kerja.

(6 markah)

- c) Kirakan nilai denda *LAD* bagi 6 hari dengan menggunakan maklumat-maklumat berikut:

i) Nilai projek : RM 20,500,000.00

ii) Kadar faedah bank : 6.75% setahun

iii) Jumlah kelewatan : 6 hari

(Calon dikehendaki menunjukkan kaedah pengiraan).

(10 markah)

SOALAN 7

- a) Berikan definisi penamatan kerja kontraktor.

(5 markah)

- b) Nyatakan perkara-perkara yang membolehkan penamatan kontrak secara bersama.

(5 markah)

- c) Terangkan jenis-jenis kemungkiran kontraktor yang berlaku dalam sesebuah projek.

(10 markah)

SOALAN 8

- a) Jelaskan istilah-istilah berikut:
- i) Kecacatan
 - ii) Lukisan Siap Dibina
 - iii) Tempoh Tanggungan Kecacatan
 - iv) Penyiapan Kerja

(12 markah)

- b) Terangkan langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya kontraktor gagal membaiki kecacatan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan.

(8 markah)

SOALAN 9

- a) Nyatakan apa yang dimaksudkan dengan anggaran awal projek dan anggaran jabatan.

(6 markah)

- b) Berikan faktor-faktor yang mempengaruhi penyediaan anggaran jabatan.

(4 markah)

- c) Terangkan langkah-langkah penyediaan anggaran jabatan bagi tender konvensional berasaskan senarai kuantiti.

(10 markah)

SOALAN 10

- a) Terangkan fungsi-fungsi Perakuan Akuan Dan Bayaran Muktamad.
(6 markah)
- b) Nyatakan dokumen wajib yang perlu ditandatangani oleh kontraktor semasa penyediaan Perakuan Akuan Dan Bayaran Muktamad dan berikan fungsi dokumen tersebut.
(6 markah)
- c) Nyatakan dokumen sokongan yang perlu dikemukakan bersama Perakuan Akuan Dan Bayaran Muktamad.
(4 markah)
- d) Berikan tempoh penyiapan Perakuan Akuan Dan Bayaran Muktamad mengikut Syarat-syarat Kontrak JKR 203 A.
(4 markah)
